



ADVANCED INTERNATIONAL JOURNAL OF
BUSINESS, ENTREPRENEURSHIP AND SME'S
(AJBES)
www.aijbes.com



CABARAN USAHAWAN DALAM MENGUASAI KEMAHIRAN TEKNOLOGI DIGITAL

ENTREPRENEURS' CHALLENGES IN MASTERING DIGITAL TECHNOLOGY SKILLS

Siti Rahayu Tisin^{1*}, Norasmah Othman²

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Email: P117131@siswa.ukm.edu.my

² Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Email: lin@ukm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 01.02.2024

Revised date: 14.02.2024

Accepted date: 20.03.2024

Published date: 27.03.2024

To cite this document:

Tisin, S. R., & Othman, N. (2024). Cabaran Usahawan Dalam Menguasai Kemahiran Teknologi Digital. *Advanced International Journal of Business, Entrepreneurship and SMEs*, 6 (19), 332-340.

DOI: 10.35631/AJBES.619024

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kemajuan teknologi digital telah menjadi landasan penting dalam memajukan perniagaan terutama bagi usahawan kecil dan sederhana (PKS). Walau bagaimanapun, usahawan sering menghadapi cabaran yang signifikan dalam mengadaptasi dan menguasai kemahiran teknologi digital. Kertas kerja ini akan menyelidik cabaran utama yang dihadapi oleh usahawan dalam menguasai kemahiran teknologi digital terutama dalam konteks luar bandar. Isu-isu seperti rendahnya pengaplikasian teknologi di luar bandar, kekurangan pengetahuan dalam pemasaran digital serta kesederhanaan dalam penggunaan teknologi digital dalam penjenamaan dan pentadbiran akan diberikan penekanan yang khusus. Selain itu, halangan infrastruktur, peraturan dan penyeliaan yang ketat, akses terhadap pembiayaan, dan kekurangan kemahiran digital dalam tenaga kerja juga dibincangkan. Kertas kerja ini turut meneliti kemerosotan infrastruktur, kelemahan dalam sistem komunikasi dan kurangnya kemajuan dalam sektor ICT. Prasarana dan perkhidmatan jalur lebar di kawasan luar bandar juga turut dibentangkan dengan menyentuh aspek kestabilan dan kecekapan. Dari segi faktor kewangan, kos yang tinggi terutamanya dalam kos perbelanjaan bagi menaik taraf sistem maklumat menjadi satu cabaran yang besar. Manakala dari aspek sosial, kesediaan masyarakat menerima teknologi serta tahap kemahiran pengetahuan ICT yang rendah di kalangan usahawan menjadi tumpuan. Pada akhirnya, kertas kerja ini menggariskan keperluan untuk strategi pembangunan yang holistik dan bersepadu dalam meningkatkan pemahaman dan penguasaan teknologi digital di kalangan usahawan khususnya di kawasan luar bandar.

Kata Kunci:

Teknologi Digital, Usahawan, Cabaran, Kemahiran

Abstract:

The advancement of digital technology has become a crucial foundation in advancing businesses, particularly for small and medium-sized entrepreneurs (SMEs). However, entrepreneurs often face significant challenges in adapting to and mastering digital technology skills. This paper will investigate the main challenges faced by entrepreneurs in mastering digital technology skills, especially in rural contexts. Issues such as low application of technology in rural areas, lack of knowledge in digital marketing, and simplicity in the use of digital technology in branding and administration will be given special emphasis. Additionally, infrastructure barriers, strict regulations and supervision, access to financing, and the lack of digital skills in the workforce are also discussed. This paper also examines the deterioration of infrastructure, weaknesses in communication systems, and the lack of progress in the ICT sector. Broadband infrastructure and services in rural areas are also discussed, touching on aspects of stability and efficiency. In terms of financial factors, high costs, especially in expenditure to upgrade information systems, pose a significant challenge. Socially, society's readiness to accept technology and the low level of ICT knowledge among entrepreneurs are focal points. Ultimately, this paper outlines the need for holistic and integrated development strategies to enhance understanding and mastery of digital technology among entrepreneurs, particularly in rural areas.

Keywords:

Digital Technology, Entrepreneurs, Challenges, Skills.

Pengenalan

Pertumbuhan ekonomi Malaysia diramal akan meningkat pada tahun 2023 secara ketara dengan kadar 5.5 peratus (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023). Sebelum pandemik COVID-19, Malaysia mengalami pertumbuhan ekonomi yang stabil dan mengalami peningkatan dalam sektor pembangunan, perdagangan, dan perkhidmatan. Ini terbukti apabila pada tahun 2019, pertumbuhan ekonomi Malaysia adalah sebanyak 4.3 peratus dan dianggap sebagai salah satu negara ekonomi yang paling berkembang pesat di rantau Asia Tenggara. Namun pada tahun 2020, Malaysia mengalami penurunan ekonomi yang ketara akibat daripada pandemik tersebut. Suku pertama 2020, pertumbuhan ekonomi Malaysia merosot 2 peratus, dan pada suku kedua, penurunan lebih teruk dengan pengurangan sebanyak 17.1 peratus (Kementerian Kewangan Malaysia, 2023).

Kerajaan Malaysia telah mengambil beberapa langkah untuk menyokong ekonomi negara semasa pandemik, seperti memberikan bantuan kewangan kepada individu, perniagaan dan industri termasuk pelancaran pelan rangsangan ekonomi sebanyak RM250 Bilion. Pada masa pandemik ini, kebanyakan jualan dan pembelian barangan dibuat secara dalam talian (Aida et al., 2023). Bermakna pengetahuan dan kemahiran teknologi digital amat perlu dalam kalangan usahawan. Antara kemahiran yang diperlukan adalah seperti kemahiran teknologi maklumat, kemahiran teknikal, kemahiran inovatif dan kreatif (Suhaila, 2015). Memiliki kemahiran ini penting bagi membolehkan para usahawan dapat berdaya saing dan berdepan dengan pelbagai

cabaran dalam era teknologi digital. Malah golongan usahawan berjaya masa kini adalah mereka yang menguasai kemahiran teknologi digital. Sebagai contoh, nama-nama besar usahawan berjaya adalah seperti Mark Zuckerberg (Facebook), Bill Gates (Microsoft), Steve Jobs (Apple) dan Larry Page (Google) (Kumar et al., 2015).

Namun, Muhammad dan Nur (2021) dalam kajian mereka melaporkan bahawa pemahaman teknologi digital dalam kalangan usahawan, terutamanya usahawan luar bandar merupakan isu besar. Kebanyakan usahawan luar bandar dilaporkan belum memiliki kompetensi yang mencukupi berkaitan teknologi digital. Memiliki kompetensi berkaitan teknologi digital yang mencukupi amat penting, khususnya bagi usahawan luar bandar kerana wujud cabaran-cabaran tertentu dalam persekitaran tersebut. Teknologi digital memainkan peranan penting dalam banyak aspek kehidupan usahawan termasuk komunikasi, perniagaan, pendidikan, hiburan dan kehidupan sosial. Dengan teknologi digital, usahawan dengan mudah berkomunikasi dan berinteraksi dengan orang lain di seluruh dunia, mengakses informasi dan maklumat, melakukan transaksi perniagaan, dan menjalankan banyak aspek dalam kehidupan sehari-harian (Mossberg, 2017). Usahawan akan dapat berkomunikasi dengan orang dari seluruh dunia hanya dengan beberapa klik tombol. Namun, teknologi digital juga memiliki kesan negatif, seperti ketagihan internet, buli cyber, dan isu privasi. Oleh kerana itu, penting untuk menggunakan teknologi digital dengan bijak dan mengambil langkah-langkah untuk melindungi diri dari ancaman yang mungkin timbul akibat penggunaan teknologi digital (Luqman, 2019).

Usahawan dan Teknologi Digital

Media digital telah muncul sebagai fenomena baharu yang telah mengubah cara organisasi menjalankan operasi (Norazili, Faradillah & Umami, 2019). Usahawan boleh mengakses sumber maklumat, mewujudkan pakatan strategik dan menjalin hubungan perniagaan dengan pelanggan dan pihak lain yang berminat dengan menggunakan media digital sebagai medium tambahan dalam operasi mereka. Pada masa kini, diakui bahawa menggunakan media digital sebagai alat komunikasi dan pemasaran boleh membantu sebarang usaha perniagaan. Tawaran latihan dalam media digital akan merapatkan jurang dan lebih banyak PKS harus diberi galakkan untuk menggunakan media digital dimana membolehkan perniagaan mereka berkembang, (Azyyati, Daing & Law, 2021).

Potensi dan aplikasi teknologi digital baharu muncul dan terus berkembang seiring dengan keperluan penduduk yang semakin pesat bilangan pertumbuhannya. Bagi usahawan luar bandar, perkhidmatan dalam talian, seperti optik serat dan internet mudah alih, memberi peluang kepada mereka untuk bersaing dengan lebih berkesan (Faradillah et al., 2020). Kepentingan teknologi digital ini selari dengan kajian yang menunjukkan manfaat dalam menggunakan teknologi baharu (Etemad et al., 2010). Dengan adanya teknologi digital, ia dapat memudahkan dan menyelesaikan masalah seperti kesukaran untuk mendapatkan tenaga kerja dan berkomunikasi dengan lebih baik dalam urusan manusia setiap hari. Beninger et al., (2016) berpendapat bahawa teknologi digital membolehkan usahawan berkomunikasi dengan cara yang tidak dapat dilaksanakan sebelum ini dengan industri baru, vendor, dan pengguna. Situasi ini juga membolehkan usahawan luar bandar mendapat manfaat dengan menggunakan teknologi digital (Faradillah et al., 2020). Penerimaan teknologi digital dalam struktur ekonomi baharu telah menjadi komponen utama bagi usahawan di luar bandar. Ini kerana teknologi ini dapat menyokong perdagangan dan memudahkan operasi perniagaan usahawan seperti aliran tunai dan memasuki pasaran baharu (Nur & Shuhymet, 2017).

Bagaimanapun, dilaporkan usahawan luar bandar masih belum mempunyai kesedaran yang mencukupi terhadap penggunaan teknologi digital dalam operasi perniagaan (Faradillah, 2021). Walaupun pelbagai faedah dan manfaat telah disebut, usahawan luar bandar masih melihat penggunaan teknologi digital sebagai sesuatu yang negatif dan membebankan. Pelbagai agensi telah bekerjasama untuk menyediakan program latihan berkaitan pengetahuan teknologi digital. Kesemua program latihan ini dirancang agar para usahawan mempunyai kesediaan dan kemahiran dalam teknologi digital, seterusnya membolehkan mereka bersaing dalam arena perniagaan yang rata-rata berasaskan teknologi digital.

Kerajaan melalui MATRADE, juga telah menyediakan pelbagai program pendidikan dan latihan bagi bakal usahawan dan usahawan sedia ada (MATRADE, 2022). Program pendidikan dan latihan yang dianjurkan adalah berbentuk program bersasar. Terdapat program latihan khusus bagi pengusaha kecil seperti usahawan luar bandar agar mengalihkan perusahaan mereka dari jualan domestik kepada jualan eksport antarabangsa. Untuk merealisasikan hasrat tersebut, kemahiran dan pengetahuan teknologi digital adalah perlu agar kebolehcapaian pasaran, keperluan perdagangan global dapat dilaksanakan (MATRADE, 2022). Jadual 1 adalah antara program latihan keusahawanan yang dianjurkan oleh MATRADE.

Jadual 1: Program Latihan Keusahawanan Anjuran MATRADE

Program	Objektif
eTRADE	Membantu syarikat baharu menggunakan platform e-dagang rentas sempadan untuk eksport termasuk Syarikat sediada yang telah terlibat dalam e-dagang.
eTRADE 2.0	Menyediakan insentif kepada syarikat untuk mengekalkan penyertaan mereka dalam platform eCommerce rentas sempadan. Membantu PKS Malaysia mempunyai kehadiran yang mampan dan berharga dalam platform eDagang rentas sempadan. Membantu mengekalkan perniagaan dalam talian syarikat seperti pemasaran digital, latihan eDagang dan promosi eksport dalam talian untuk meningkatkan pendedahan dan peluang perniagaan mereka dalam platform eDagang rentas sempadan.

Sumber: Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE 2022)

Isu dan Permasalahan Usahawan dalam Menguasai Teknologi Digital

Teknologi digital dalam sektor perniagaan telah memberi banyak peluang baharu kepada ramai usahawan sekaligus menaikkan taraf ekonomi negara. Namun, pengaplikasian teknologi digital dalam kalangan usahawan terutama di luar bandar masih pada tahap yang rendah (Laporan Tahunan PKS, 2018). Sebagai contoh, perniagaan atas talian semasa tempoh Covid-19 memperlihatkan penggunaan teknologi digital masih pada kadar yang rendah. Perkara ini menggambarkan usahawan masih tidak mampu untuk beradaptasi dengan perubahan landskap ekonomi (Aida et al., 2023). Secara tidak langsung, senario ini memberi impak kepada PKS dan akhirnya berlaku penutupan sebilangan besar perniagaan contohnya kepada sektor bukan keperluan seperti sektor perancang perkahwinan, catering dan fotografi sehingga menyebabkan penjana pendapatan mereka terhenti dan turut berhadapan dengan masalah kesediaan digital semasa tempoh Covid-19 (Muhammad & Nur, 2021). Penutupan sebilangan

besar perniagaan ini telah menimbulkan persoalan kepada pengkaji untuk melihat apakah terdapat pengetahuan dan kesediaan usahawan dalam menggunakan teknologi digital apabila mereka menggunakan aplikasi atas talian secara “*ad-hoc*” untuk meneruskan kelangsungan perniagaan dan penghalang yang terpaksa dihadapi oleh PKS dalam menggunakan teknologi ini.

Pada masa yang sama, usahawan juga secara beransur-ansur telah mula meninggalkan pemasaran konvensional atau tradisional dan beralih kepada pemasaran moden iaitu pemasaran digital. Walaupun 90.1 peratus usahawan PKS mempunyai akses kepada internet, namun mereka masih gagal menangani isu dalam mengendalikan penggunaan teknologi digital dalam perniagaan rentetan tiada pengetahuan dalam pemasaran digital (Laporan Tahunan PKS, 2018). Pemasaran digital merupakan salah satu media pemasaran yang digunakan kebanyakan usahawan bagi menyokong pelbagai aktiviti yang dijalankan termasuklah aktiviti penjenamaan (Pradiani, 2018). Mewujudkan kesedaran penjenamaan adalah peringkat pertama dan paling penting dalam komunikasi pemasaran. Walau bagaimanapun, pengetahuan mengenai kepentingan kesedaran penjenamaan menggunakan teknologi digital untuk pemasaran masih rendah dan belum mencapai tahap yang memuaskan disebabkan kebanyakan perniagaan di Malaysia masih belum mendapat akses di pasaran antarabangsa (Luqman, 2019). Kesedaran penjenamaan yang rendah menyebabkan usahawan mempunyai keupayaan pemasaran dan perkhidmatan yang kurang optimum untuk diberikan kepada pelanggan (Sharifi, 2014). Hal ini kerana dengan mewujudkan kesedaran jenama membolehkan pengiktirafan jenama di pasaran tempatan dan antarabangsa khususnya. Kekurangan pengetahuan turut menyebabkan usahawan merasakan penggunaan teknologi tidak penting kerana tiada keperluan sehingga mereka tidak mahu menerapkan dan menggunakan dalam perniagaan mereka (Azlizan et al., 2017).

Semasa pandemik Covid-19 melanda, tidak dinafikan penggunaan teknologi dalam perniagaan mampu membantu usahawan luar bandar kembali menjana pendapatan mereka yang telah terhenti semasa pelaksanaan PKP. Namun demikian halangan kepada infrastruktur, bebanan terhadap pengawalseliaan dan pentadbiran, kekurangan akses kepada pembiayaan serta kemahiran digital dalam tenaga kerja adalah antara isu yang dihadapi oleh PKS (Laporan Tahunan PKS, 2018). Kemampuan usahawan luar bandar dalam kesediaan urusan pemasaran seperti promosi dengan menggunakan teknologi digital masih di tahap yang rendah selain mereka lebih selesa menjalankan perniagaan secara tradisional disebabkan kekurangan maklumat berkaitan faedah digitalisasi (Lekhanya, 2018). Selain itu, persepsi negatif terhadap perniagaan atas talian turut menjadi punca usahawan sukar untuk menerima perubahan selain pengalaman ditipu semasa melakukan urusan perniagaan atas talian merupakan faktor utama menyebabkan usahawan sukar untuk beradaptasi dengan teknologi, (Anis et al., 2020 ; Siti Rahayu, 2024).

Terdapat kira-kira satu pertiga daripada usahawan PKS masih tidak merancang dan bersedia untuk menggunakan e-digital, terutamanya PKS dalam sektor pembuatan dan pembinaan, Jeremy, (2018). Antara sebab mereka tidak memulakan e-digital adalah kerana dianggap tidak perlu untuk perniagaan mereka dan lebih cenderung dengan perniagaan secara tradisional. Mereka sememangnya menggunakan media sosial untuk berkomunikasi dengan pelanggan untuk pemasaran dalam talian, tetapi tidak memperkenalkan lebih banyak alatan atau gajet digital oleh kerana tiada persediaan untuk mempelajari penggunaan gajet digital atas faktor kurangnya promosi mengenai faedah gajet tersebut disamping perletakan tugas mereka dalam syarikat yang tidak terarah kepada penggunaan teknologi digital ini (Laporan PKS, 2018).

Walau bagaimanapun, terdapat kekurangan dan kelemahan dari aspek faktor teknikal iaitu kemerosotan infrastruktur, sistem komunikasi yang lemah dan kekurangan kemajuan dalam sektor ICT (Borhan, 2019 ; Siti Rahayu, 2024 ; Mohd Huzairy, 2024). Prasarana dan perkhidmatan jalur lebar di kawasan luar bandar masih tidak mencapai kestabilan dan kecekapan yang sepatutnya menyebabkan masyarakat luar bandar termasuklah usahawan kurang menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) Mohd Huzairy, (2024). Manakala, dari aspek faktor kewangan pula adalah kos yang tinggi terutamanya kos perbelanjaan bagi menaik taraf sistem maklumat manakala bagi cabaran sosial pula dari aspek kesediaan untuk menerima teknologi dan bagi usahawan sendiri melibatkan tahap kemahiran pengetahuan ICT yang rendah dan kurang kepakaran dalam mengendalikan peralatan ICT. Disamping itu, penggunaan digital yang agak perlahan oleh usahawan adalah kesan daripada isu jurang digital dan ketidak seimbangan pembangunan wilayah atau bandar (Shamsiah, 2022).

Oleh yang demikian, terdapat inisiatif daripada kerajaan Negeri Sabah untuk masyarakat luar bandar di negeri itu. Tujuh buah Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia (PEDi) telah diwujudkan untuk menyediakan aktiviti setempat masyarakat luar bandar tersebut. Dengan pelbagai situasi yang dihadapi pada masa kini, ia dapat menggalakkan usahawan untuk menuju ke arah pendigitalan di samping memupuk peningkatan penggunaan Internet dan e-dagang. Dari sini lah bermulanya kepentingan mengenai pengetahuan teknologi digital yang harus dititik beratkan bagi menjamin kelangsungan perjalanan perniagaan yang lebih baik.

Cadangan Menangani Permasalahan Dalam Menguasai Kemahiran Teknologi Digital

Memahami betapa pentingnya untuk mencari jalan penyelesaian kepada masalah yang timbul semasa menguasai kemahiran teknologi digital dalam konteks perniagaan adalah merupakan suatu langkah yang sangat baik. Oleh itu, beberapa cadangan yang boleh dipertimbangkan seperti menyediakan latihan dan pendidikan. Ini termasuk dengan menyediakan peluang latihan dan pendidikan kepada usahawan untuk meningkatkan kecekapan mereka dalam menggunakan teknologi digital. Ia boleh melibatkan kursus, seminar, atau sumber latihan dalam talian. Langkah seterusnya adalah dengan menyediakan program mentor atau bimbingan kepada usahawan oleh mereka yang mahir dalam teknologi digital. Dengan bantuan mentor, usahawan dapat mendapatkan nasihat dan arahan yang berguna dalam mengatasi cabaran teknologi digital.

Selain penyediaan mentor dan bimbingan, dicadangkan juga untuk merujuk kepada pakar iaitu dengan menyediakan akses kepada pakar teknologi digital seperti jurutera perisian, pakar pemasaran digital, atau perunding IT untuk membantu menyelesaikan masalah yang rumit atau memberikan nasihat dalam penggunaan teknologi tertentu (Gupta & Bose 2018; Karimi & Walter 2016). Dalam mencapai usahawan yang berdaya saing dicadangkan untuk dibangunkan komuniti atau rangkaian usahawan digital di mana mereka boleh berkongsi pengalaman, pengetahuan, dan resipi kejayaan mereka dalam menghadapi cabaran teknologi digital. Walau bagaimanapun, kesedaran dan sokongan dari pihak kerajaan diperlukan bagi menyokong usahawan dalam usaha mereka untuk menguasai kemahiran teknologi digital dengan menyediakan sokongan kewangan, insentif, dan program latihan yang sesuai (Aida et al., 2023).

Cadangan dan langkah yang terakhir adalah dengan memberi kesedaran kepada usahawan mengenai keselamatan dan privasi data iaitu dengan memberikan latihan dan sokongan kepada usahawan. Ini penting kerana usahawan perlu memastikan bahawa mereka melindungi

maklumat sensitif pelanggan dan perniagaan mereka daripada ancaman siber (Morgan, 2023). Oleh yang demikian, dengan menerapkan cadangan-cadangan ini diharap boleh membantu dalam mengurangkan kesukaran dan meningkatkan keberkesanan usahawan dalam menguasai kemahiran teknologi digital untuk meningkatkan perniagaan mereka.

Kesimpulan

Kesimpulan dari kertas kerja ini, telah dikenal pasti beberapa cabaran yang dihadapi oleh usahawan dalam usaha mereka untuk menguasai kemahiran teknologi digital. Antara cabaran tersebut termasuk kesukaran untuk menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi yang cepat, kekurangan sumber daya dan pengetahuan dalam teknologi digital, serta kebimbangan tentang keselamatan siber dan privasi data. Justeru, para usahawan perlu mempersiapkan diri dari aspek pengetahuan dan kesediaan teknologi digital bagi menghadapi cabaran dalaman seperti rintangan budaya organisasi yang mungkin menghalang penggunaan teknologi digital secara efektif, serta cabaran luaran seperti persekitaran perniagaan yang kompetitif dan perubahan dalam keperluan pasaran.

Dengan demikian, adalah penting untuk mengakui bahawa usaha untuk mengatasi cabaran adalah proses berterusan yang memerlukan komitmen yang berterusan untuk pembelajaran dan penyesuaian. Usahawan yang berjaya akan mengambil inisiatif untuk terus memperbaharui kemahiran, meneroka peluang baharu dalam teknologi digital dan berkolaborasi dengan pakar dalam bidang. Dengan pendekatan ini, usahawan akan dapat memanfaatkan teknologi digital secara lebih efektif untuk memperluas perniagaan, memperbaiki operasi dan memberikan nilai tambah kepada pelanggan mereka.

Penghargaan

Penghargaan ditujukan kepada pihak Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), khususnya kepada pensyarah-pensyarah Fakulti Pendidikan (FPEND) terutama sekali kepada pensyarah Pendidikan Perniagaan dan Keusahawanan kerana telah memberikan bimbingan dan tunjuk ajar dalam menyiapkan kertas kerja ini. Dirakamkan penghargaan juga kepada pihak suami atas bantuan dana untuk menerbitkan dan menyelesaikan kertas kerja ini.

Rujukan

- Aida Idris, Nurjannah Bukhari, Marzuki Md Yunus & Shaiful Azlan. (2023). Penggunaan Teknologi Digital dalam Kalangan Usahawan Luar Bandar dalam Era Pandemik Covid-19. (2023). *Jurnal Pengurusan*, 67. <https://doi.org/10.17576/pengurusan-2023-67-12>
- Anis Nur Assila Rozmi; Puteri N. E. Nohuddin; Abdul Razak Abdul Hadi; Mohd Izhar A. Bakar; Nordin, A Imran (2020). Factors affecting SME owners in adopting ICT in business using thematic analysis. *International Journal of Advanced Computer Science and Applications*, 11(7), 208–218. <https://doi.org/10.14569/IJACSA.2020.0110727>
- Azlizan Talib, Mohd Nazaruddin Yusof, Zainal Md Zan & Kamarudin Ngah. (2017). e-Bisnis, pemangkin penyertaan kaum wanita dalam keusahawanan luar bandar. *Journal of Advanced Research in Business and Management Studies*, 9(1), 54-66
- Azyyati Anuar, Daing Maruak Sadek & Law Khuan Kheng. (2021). Pemasaran Dalam Perusahaan Enteprise, Kecil dan Sederhana (EKS). Norasmah Hj Othman (Ed's). *Pengurusan Enteprise Kecil dan Sederhana*. (Edisi Pertama.,pp. 319-352). Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.

- Beninger, S., Ajjan, H., Mostafa, R.B. & Crittenden, V.L. (2016). A road to empowerment: Social media use by women entrepreneurs in Egypt. *International Journal of Entrepreneurship and Small Business* 27(2-3): 308-332.
- Borhan Abdullah, (2019). The Educational Mismatch of Native and Immigrant Workers in Malaysia. *SSRG International Journal of Economics and Management Studies* 6(9), 102-108.
- Etemad, H., Wilkinson, I., & Dana, L. P. (2010). Internetization as the necessary condition for internationalization in the newly emerging economy. *Journal of International Entrepreneurship*, 8(4), 319–342. <https://doi.org/10.1007/s10843-010-0062-x>
- Faradillah Iqmar Omar, Umami Munirah Syuhada Mohd Zan, Nur Azili Hassan & Izzurazlia Ibrahim (2020). Pengaruh pemasaran digital terhadap prestasi usahawan perusahaan kecil dan sederhana. *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi* 7(2): 138-155.
- Faradilla Iqmar Omar. (2021). Analysis of purpose, skills and motivation of using the internet among SME entrepreneurs. *International Online Journal of Language, Communication, and Humanities* 4(2): 101-113.
- Gupta, G. & Bose, I. (2018). Strategic learning for digital market pioneering: Examining the transformation of Wishberry's crowdfunding model. *Technological Forecasting and Social Change* 146(2018): 865-876.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2023. *Ekonomi Digital Malaysia 2022*. Jabatan perangkaan Malaysia.
- Jeremy, C. (2018). *E-dagang paling banyak dikunjungi*. Utusan Online
- Karimi, J. & Walter, Z. (2016). Corporate entrepreneurship, disruptive business model innovation adoption, and its performance: The case of the newspaper industry. *Long Range Planning* 49(3): 342-360.
- Kementerian Kewangan Malaysia. 2023. *Pertumbuhan Ekonomi Malaysia*.
- Kumar Gautam, M., Scholar, R., & Kumar Singh, S. (2015). Entrepreneurship Education: Concept, Characteristics And Implications For Teacher Education. *An International Journal of Education) SPIJE* (Vol. 5, pp. 21–35). Retrieved from <https://www.researchgate.net/publication/319057540>
- Lekhanya, L. M. (2018). *The Digitalisation of Rural Entrepreneurship*. *InTech*. doi: 10.5772/intechopen.75925
- Luqman Hariz (2019). *Masih banyak PKS Malaysia kurang kesedaran digital*. Astro Awani.
- Mohd Huzairy bin Mohd Buang. (2024). Pengetahuan dan Kesediaan Ilmu Penggunaan Teknologi Revolusi Industri 4.0 Bagi Usahawan EKS di Felda Kota Tinggi. *Master Dissertation*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Morgan, M. (2023). *Apakah Peranan Keselamatan Siber Dalam Kejayaan Perniagaan*. Retrieved November, 03 2023, from <https://www.leaderonomics.com/ms/articles/perkembangan-peribadi/apakah-peranan-keselamatan-siber-dalam-kejayaan-perniagaan>
- Mossberg. M., (2017): *The disappearing computer*. Retrieved from www.recode.net/2017/5/25/15689094/mossberg-final-column.Google Scholar
- Muhammad Ammar Shafi & Nur Syazwani Mohtar (2021). Pelaksanaan E-Digital dalam kalangan Industri Kecil dan Sederhana di Negeri Johor. *Research in Management of Technology and Business*. 2(2),92-104
- Nor Azlili Hassan, Faradillah Iqmar Omar, & Umami Munirah Syuhada Mohamad Zan (2019). Digital Marketing: An Influence towards Business Performance among Entrepreneurs of Small and Medium Enterprises. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(9). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v10-i9/7709>

- Nur Shamsiah Abdul Rahman, Lina Handayani, Mohd Shahizan Othman, Waleed Mugahed Al-Rahmi, Shahreen Kasim, Tole Sutikno. (2020). Social media for collaborative learning. *International Journal of Electrical and Computer Engineering*, 10(1), 1070–1078. <https://doi.org/10.11591/ijece.v10i1.pp1070-107>
- Nur Yuhainis Ab Wahab & Shuhymee Ahmad. (2017). Hubungan antara penggunaan ICT dan prestasi perniagaan PKS di Malaysia . *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 1 (3), 218-226
- Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE). (2022). *Exporters training programme*. <https://www.matrade.gov.my/en/export-to-the-world/trade-facilitation-page/exporters-training-programme> [14 Jun 2022]
- Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE). (2022). *Malaysia's trade performance December 2021*. <https://www.matrade.gov.my/en/about-matrade/media/news-clippings/5668-28-01-2022-malaysia-s-trade-performance-december-2021> [21 Jun 2022]
- Pradiani, T., Damara, D., & Malang, S. A. (2018). Pengaruh Website Dan Kesadaran Merek Terhadap Keputusan Pembelian Produk Yang Dijual Di Mataharimall. Com. *Jurnal EKSIS Vol, 10(2)*, 1–10. Retrieved from http://lppm.indocakti.ac.id/foto_berita/JurnalTheresiaPradianiSTIEASIAMALANG19Juli2019-edit.pd
- Seyes Shahin Sharifi., & Mohammad Rahim Esfidani, (2014). The impacts of relationship marketing on cognitive dissonance, satisfaction, and loyalty: The mediating role of trust and cognitive dissonance. *International Journal of Retail and Distribution Management*, 42(6), 553–575. <https://doi.org/10.1108/IJRDM-05-2013-0109>
- Siti Rahayu Binti Tisin. (2024). Pengetahuan dan Kesiediaan Teknologi Digital Dalam Kalangan Usahawan. *Master Dissertation*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Suhaila Binti Sutaji (2015). Kesan Penggunaan Koswer multimedia animasi visual terhadap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Matematik. Laporan Projek Sarjana Pendidikan Teknikal (Rekabentuk Instruksional dan Teknologi). Malaysia: Fakulti Pendidikan Teknikal dan vokasional, Universiti Tun Hussein Onn. <http://eprints.uthm.edu.my/7077/1/>
- SME Corp. Malaysia. Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan: *Laporan Tahunan PKS (2018)*. Diperolehi dari <http://www.smidec.gov.my/ms/node/766>